

1,137
orang

mangsa banjir masih berlandung di enam pusat pemindahan di Perak



692
orang

mangsa banjir masih berlandung di 10 pusat pemindahan di Kedah



Dzayah Salleh, (kanan) bersama cucunya Mohd Haikal Mohd Khadir, **mengharung air banjir** yang memasuki rumah mereka di Kampong Pondok Hampar, Pendang. (FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH)

Bimbang bah tiga negeri tambah buruk

» *Peralihan Monsun Barat Daya kepada Timur Laut bawa hujan lebat*

Oleh Nahar Tajri, Nurhayati Abillah, Maria Uffa Zulkafeli, Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi dan Zulfa Mohamad
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Lebih 2,000 mangsa banjir, masih berlandung di pusat pemindahan sekitar Perak, Kedah dan Pulau Pinang, yang dilanda bencana alam itu sejak dua hari lalu.

Walaupun cuaca cerah di utara Semenanjung membantu pemulihan paras banjir semalam, namun ramai mangsa tidak dapat pulang kerana kawasan rumah masing-masing masih ditenggelami air.

Bencana alam itu juga dikhuatiri kembali buruk kerana hujan lebat secara berterusan dijangka melanda, susulan musim peralihan Monsun Barat Daya kepada Timur Laut, yang mengambil masa sebulan mulai 16 Oktober lalu.

Pengarah Pusat Ramalan Cuaca

Jabatan Meteorologi, Muhammad Helmi Abdullah, berkata situasi itu memerlukan penduduk kawasan berisiko banjir, berwaspada kerana beberapa daerah dijangka mengalami hujan lebat dari petang hingga malam.

Ramai masih berlandung

Walaupun paras banjir di Perak semakin surut, namun seramai 1,137 mangsa membabitkan 290 keluarga masih berlandung di enam pusat pemindahan sekitar Manjung, Larut Matang dan Selama (LMS), petang semalam.

Portal Majlis Keselamatan Negara melaporkan, jumlah mangsa mulai berkurangan berbanding pagi semalam, 1,239 mangsa dipindahkan berlandung pada 12 pusat pemindahan di dua daerah itu.

Pusat pemindahan yang masih dibuka di LMS ialah Sekolah Kebangsaan Batu Hampar dan Dewan Orang Ramai Padang Serai Dalam.

“**Situasi itu memerlukan penduduk kawasan berisiko banjir, berwaspada kerana beberapa daerah dijangka mengalami hujan lebat dari petang hingga malam**”

Muhammad Helmi Abdullah,
Pengarah Pusat Ramalan Cuaca Jabatan Meteorologi

Seorang penduduk membersihkan rumahnya **selepas dilanda banjir** di Kampung Lebuh Banting, Tasek Gelugor. (FOTO ASMAN IBRAHIM/BH)



Pegawai kesihatan memeriksa Rizqi Kairul Nizat, **yang diserang demam** di Pusat Pemindahan Banjir di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah.



800
orang

mangsa banjir
masih ditempatkan
di dua pusat perlindungan
di Pulau Pinang

MB lawat mangsa banjir

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan isteri, Datin Seri Saripah Zulkifli, meluangkan masa menemui mangsa banjir di pusat pemindahan SK Sungai Batu dan Dewan Taman Bintang di Manjung, mulai jam 1 hingga 3.30 pagi semalam.

Di Kedah, seramai 692 mangsa masih berlandung di 10 pusat pemindahan, selepas 1,484 mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing sehingga 5 petang semalam.

Penolong Pengarah Kanan (Ekonomi dan Bantuan) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kedah, Mohammad Hazam Ismail, berkata di Baling, 390 mangsa daripada 72 keluarga masih berlandung di tiga pusat pemindahan iaitu Dewan Orang Ramai Kampung Kuala Bakong, surau Ladang Kuala Ketil dan Dewan Kuala Temekah.

"Di Kulim, 36 keluarga mem-babitkan 157 ditempatkan pada tiga pusat iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Merbau Pulas, Masjid Darul Ulum dan surau Kampung Bukit Banjar.


"Di Pendang, sebuah pusat pemindahan menempatkan 46 mangsa daripada 12 keluarga di Dewan Rakan Sukan Tanah Merah, manakala di Kota Setar, 105 mangsa daripada 26 keluarga

ditempatkan pada tiga pusat," katanya.

Mangsa dibenarkan pulang

Di Pulau Pinang, hanya dua pusat pemindahan masih dibuka sehingga jam 2 petang semalam Labuh Banting dan Lubuk Meriam, Tasek Gelugor, menempatkan 192 mangsa, selepas 800 mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing semalam.

Namun, banjir yang berpunca daripada limpahan Sungai Muda itu, menyebabkan banyak tanaman kontan seperti cili, ubi kayu dan pisang, yang diusahakan penduduk musnah kerana tidak sempat dituai.



Syed Muhammad Syed Rasmi, menjaga rumahnya ketika air masih berada pada paras yang sama di Kampung Parit Mariken, semalam.



Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sungai Batu, Pantai Remis beratur menaiki lori yang disediakan pihak bomba dan penyelamat untuk pulang ke rumah masing-masing.



Norlela menerima sumbangan daripada Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kuala Kedah, Zainal Alam Bakar (kiri) di Pusat Pemindahan Banjir di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah, semalam.

Tekad redah air selamatkan 7 anak

Alor Setar: "Saya berulang alik beberapa kali sambil mendukung tiga anak yang masih kecil, kerana bimbang mereka dihanyutkan banjir," kata suri rumah, Norlela Tahir.

Suri rumah berusia 33 tahun itu, nekad mengharungi kedalaman banjir lebih satu meter demi keselamatan tujuh anaknya berusia 10 bulan hingga 13 tahun, selepas rumah mereka di Kampung Alor Senjaya, Titi Gajah, dilanda bencana itu petang kelmarin.

Norlela berkata, ketika kejadian, suaminya yang juga seorang pengawal keselamatan tiada di rumah kerana sedang berkursus, menyebabkan beliau terpaksa

berusaha sendirian demi menyelamatkan nyawanya dan anak-anak.

Tak sangka air naik

"Ketika air mula naik di kawasan kampung jam 2 petang, saya menyangka ia tidak merebak selain kedudukan rumah kami yang agak tinggi.

"Namun, apabila banjir mencapai paras pinggang di kawasan rumah kami, saya tiada pilihan selain membawa anak-anak berpindah mulai jam 7 malam," katanya sambil menahan sebak ketika ditemui berlandung di pusat pemindahan, Sekolah Kebangsaan (SK) Titi Gajah yang menempatkan 30 mangsa sekitar kampung itu.



Zambry (tengah) dan isteri, Saripah (berdiri, kanan) melawat mangsa banjir di Pusat Penempatan Banjir di Sekolah Kebangsaan Sungai Batu dekat Pantai Remis.

[FOTO MUHAIZAN YAHYA/BH]